



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Selasa, 18 Oktober 2022	
1	-Tiada Kartel jadi dalang -Telur tak cukup, harga lebih mahal di kedai runcit -MyCC sedia ambil tindakan
2	Kartel kembali bermaharajalela
3	Penternak kontrak desak kerajaan tambah subsidi
4	Peniaga pening bekalan telur tak menentu
5	-Kaki, hati ayam pun kene kebas -Ambil untung jual kaki, hati ayam -Haram jual bahagian ayam tanpa kebenaran
6	Klinik Haiwan bergerak -Rawat, Periksa haiwan sakit dalam van -Didik masyarakat penjagaan haiwan

DISEDIAKAN OLEH :
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Tiada kartel jadi dalang kurangkan bekalan

Telur tak cukup, harga lebih mahal di kedai runcit

Kuala Lumpur: Tiada kartel dalam kalangan pengiat industri yang didakwa menjadi dalang kepada kekurangan bekalan telur ayam di pasaran ketika ini.

Penasihat Persekutuan Persatuan-Persatuan Pernak Malaysia, Datuk Jeffrey Ng, berkata pengeluaran telur pada peringkat perternak berjalan seperti biasa dengan faktor di luar kawalan seperti kekurangan telur ayam bagi gred tertentu tidak dapat dielakkan.

"Kita pada peringkat perternak melakukan sedaya upaya yang boleh untuk memastikan pengeluaran telur ayam berjalan seperti biasa, namun memang ada kekurangan. Ini tidak dapat dielakkan.

"Bekalan telur ayam di Malaysia dipecahkan ikut gred daripada AA hingga F. Jadi, jika telur ayam untuk sesetengah gred tidak ada di pasaran, ini memang sukar untuk kita kawal," katanya.

Pemborong dakwa pengeluar potong pesanan punca gagal penuhi keperluan harian

Oleh Baharom Bakar dan Adibah Hani Hasnan
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bekalan telur beberapa tempat di ibu negara dan Terengganu tidak mencukupi, manakala harganya meningkat terutama di kedai runcit.

Tinjauan di sebuah pasar raya di Setiawangsa, di sini, mendapati bekalan yang sampai tidak memenuhi keperluan pasar raya.

Pembantu penyelia pasar raya, Muhammad Fauzi Rosli, 36, berkata, hanya menerima bekalan di antara 200 hingga 300 papan sehari, berbanding

pesanan 1,000 papan.

"Pelanggan merungut kerana kebanyakan pembeli di sini memerlukan bekalan telur secara borong kerana mereka peniaga kedai makan," katanya.

Sementara itu, seorang pembeli, Rosnah Naim, 57, berkata harga telur tidak selaras di antara kedai runcit dengan pasar raya.

Katanya, kedai runcit mengenakan harga lebih tinggi berbanding pasar raya.

"Harga telur di kedai runcit untuk Gred D bersamaan harga telur ayam Gred AA di pasar raya," katanya.

Beliau berkata, harga telur ayam gred AA meningkat daripada RM14 kepada RM16.20 sepapan.

Bekalan semakin meruncing

Sementara itu di **Kuala Terengganu**, bekalan telur semakin meruncing kerana 28,000 biji terpaksa diagihkan kepada 120 peruncit dalam tempoh seminggu.

Beberapa pemborong menagui bekalan dipotong pengeluaran antara 5,000 hingga 7,000

biji seminggu.

Pemborong, Jason Tan, berkata hanya menerima 13,000 biji telur seminggu, walaupun pesanan dibuat daripada pengeluaran antara 18,000 hingga 22,000 biji seminggu.

Katanya, bekalan yang ditempah dihantar setiap Sabtu, Selasa dan Rabu oleh pengeluar dari Melaka dan Selangor.

"Kita terpaksa memotong pengagihan bekalan telur kepada 90 pelanggan tetap, termasuk beberapa pasar raya besar antara 800 hingga 1,000 telur seminggu.

"Penghantaran bekalan telur kepada peruncit termasuk pasar raya

terpaksa dilakukan secara bergilir susulan kekurangan bekalan daripada pengeluar," katanya di Bukit Payong, di sini, semalam.

Tinjauan di kedai pemborong di Cabang Tiga mendapati pelanggan beratur panjang untuk mendapatkan telur.

Pekerja di syarikat pemborong yang hanya mahu dikenali sebagai Firdaus berkata, setiap pelanggan dihidkan membeli lima papan telur mengandungi 150 biji.

Beliau berkata, syarikatnya hanya memperoleh 12,000 biji telur setiap Ahad dan Selasa, manakala 2,000 biji pada Khamis.

Firdaus berkata, ada pembeli bertindak kasar kerana tidak puas hati jualan telur dihidkan hanya lima papan seorang.

Suri rumah, Zaimah Ali, 48, dari Kampung Tok Kaya, di sini, berkata dia terpaksa beratur sejam untuk mendapatkan tiga papan telur.

"Saya terpaksa ke kedai pemborong untuk mendapatkan bekalan berikutan semua kedai runcit di kampung kehabisan bekalan sejak seminggu lalu," katanya.

1,000 papan

telur sehari diperlukan sebuah pasar raya



Orang ramai terpaksa beratur panjang untuk membeli telur daripada pemborong di Cabang Tiga, Kuala Terengganu, semalam.
(Foto Baharom Bakar/BH)

MyCC sedia ambil tindakan

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sedang memantau keadaan semasa pasaran telur ayam.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Iskandar Ismail, berkata suruhanjaya itu akan mengambil tindakan tegas jika ada peserta industri telur ayam terbabat dalam kartel.

"MyCC tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas seperti

penyiasatan menyeluruh yang diambil terhadap beberapa pengeluar makanan ayam, jika terdapat elemen pelanggaran yang tersenarai di bawah Akta Persaingan 2010.

"Kami juga mengambil maklum inisiatif yang sedang dijalankan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal

Pengguna dalam mengatasi isu kekurangan telur ayam," katanya semalam.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, dalam tinjuannya ke sebuah pasar raya di sini, semalam, turut memberi amaran keras kepada semua pengeluar telur untuk memastikan pengeluaran bagi kegunaan domestik dipertingkatkan.



Telur ayam berkurangan

ORANG ramai mencari telur ayam di sebuah kedai runcit di Kangar, Perlis semalam. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

Kartel kembali bermaharajalela

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
aiman.asrol@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Ketika Deepavali bakal menjelang dan rakyat Malaysia sibuk dengan Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15), kartel ayam dan telur pula sibuk mencatu bekalan kedua-dua bahan keperluan itu sehingga di kedai runcit yang ramai dan peniaga. Masalah kekurangan beka-

Bunuh induk sekat bekalan untuk naikan harga ayam segar, telur

lan makanan asas itu sama ada ayam segar atau telur berlaku

di seluruh negara dan situasi semakin meruncing apabila banyak kedai mamak tidak lagi menjual roti canai telur kerana terputus bekalan.

Bekalan yang ada di pasaran kini hanya membabitkan ayam organik atau ayam kampung yang harganya melebihi RM10 sekilogram.

Manakala bagi telur pula membabitkan telur Omega 3 yang harganya mencapai RM7

bagi 10 biji.

Kekurangan bekalan kedua-dua bahan makanan yang berlaku di hampir semua negeri itu didakwa berpunca daripada monopoli syarikat gergasi yang mencari peluang untuk meraih keuntungan berlipat kali ganda di musim perayaan dan ketika Malaysia dalam proses memilih kerajaan baharu pada PRU15.

Bersambung di muka 2

Kartel kembali bermaharajalela

Dari muka 1

Seorang penternak kecil ayam di Selangor mendakwa, situasi sama seperti Mei tahun lalu kembali semula apabila beberapa kartel sedang berkomplot mengurangkan bekalan ayam kepada penternak kecil daripada 260 bakul kepada hanya 200 bakul ayam sehari.

Dakwa penternak yang enggan dikenali itu, tindakan itu berlaku di hampir semua negeri sekali gus menyebabkan sumber makanan itu semakin hari semakin berkurangan di dalam pasaran ketika ini.

Sebelum ini, ceritanya, penjual menerima satu bakul yang mengandungi lapan hingga sembilan ekor ayam dengan harga RM6 sekilogram namun kini bukan sahaja jumlah bakul berkurangan tetapi jumlah ayam juga dikurangkan iaitu tujuh ekor bagi setiap bakul dengan harga RM7.

Menurutnya, penternak kecil mengalami masalah ini pada awal bulan ini tetapi seolah-olah pihak berkuasa tidak sedar dan jika berterusan macam ini bekalan ayam akan terus meruncing.

"Saya pelik kenapa seolah-olah tidak berlaku apa-apa? Semua 'senyap', adakah disebabkan pilihan raya? Sehingga terpaksa tutup isu-isu begini. Keadaan di bahagian bawah ini sangat teruk dan mungkin hujung tahun akan lagi teruk sekiranya terus tiada siapa peduli," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Terdahulu akhbar ini melaporkan, beberapa syarikat gergasi ternakan ayam didakwa berkomplot 'menyem-



Saya pelik kenapa seolah-olah tidak berlaku apa-apa? Semua 'senyap', adakah disebabkan pilihan raya? Sehingga terpaksa tutup isu-isu begini. Keadaan di bahagian bawah ini sangat teruk."

PENTERNAK AYAM

belih' penternak kontrak kecil-kecilan dengan mengaut hampir semua peruntukan subsidi yang disalurkan kerajaan kepada industri tersebut.

Mengulas dakwaan tersebut, penternak kecil ayam itu berkata, perkara itu benar dan tawaran subsidi kerajaan itu sebagai 'bonus besar' kepada syarikat-syarikat besar.

"Saya setuju dengan hal ini, sebanyak 80 peratus penternak kecil di Malaysia membuat kontrak dengan integrator (syarikat besar). Apabila sudah buat kontrak terpaksa ikut syarat mereka, ada dapat 30 sen, ada cuma 10 sen dan ada yang tidak dapat langsung. Pelbagai alasan kartel beri kerana tak mahu kongsi subsidi kerajaan.

"Sekarang ini pasaran ayam mereka yang kawal dari semua hal, sampai isu harga naik seka-

rang. Jangan cakap penternak kecil sahaja dimanipulasi oleh integrator, kerajaan pun tidak boleh kawal mereka, komplot tersebut sudah terlalu selesa," katanya.

Satu sumber lain pula mendedahkan kepada *Utusan Malaysia* satu nota suara didakwa daripada kartel yang memberikan alasan kenapa bekalan ayam dikurangkan kepada penternak kecil.

"Sekarang ini kualiti ayam berkurang, banyak ladang 'tendang' ayam keluar. Kemudian, banyak ladang sekarang enggan menternak ayam kerana kos terlalu tinggi," katanya.

Dalam isu bekalan telur pula sumber berkata, punca kekurangan itu juga seperti kartel ayam kerana mereka mengurangkan pengeluaran telur untuk menaikkan harga telur di pasaran.

Katanya, bagi memastikan hasrat tercapai, syarikat-syarikat mengeluarkan induk ayam akan bunuh 'baka' sehingga mengakibatkan bukan sahaja ayam kurang tetapi juga telur.

"Jika sebelum ini bekalan ayam atau telur kurang kerana akibat tidak disengajakan seperti ayam sakit dan sebagainya tetapi sekarang ini punca kekurangan itu disengajakan dengan baka ayam itu dibunuh supaya telur ayam tidak dikeluarkan lebih, anak ayam juga tidak banyak.

"Tetapi apabila kerajaan menyoal mereka, alasannya adalah sebab baka tidak masuk jadi mereka tak boleh nak mengeluarkan anak ayam lebih bagi menampung permintaan pasaran sekarang, sedangkan mereka sendiri puncanya," katanya.

Penternak kontrak desak kerajaan tambah subsidi

Oleh FAHMI FAIZ
utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Beberapa persatuan penternak ayam kontrak mendesak kerajaan mempertimbangkan kenaikan subsidi ternakan itu bagi menampung kos pengeluaran yang meningkat.

Dalam surat yang diserahkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), persatuan-persatuan yang enggan namanya disiarkan memberitahu, mereka memohon agar subsidi ayam kepada penternak kontrak dapat dinaikkan kepada 30 sen sekilogram.

Katanya, selain menampung kenaikan kos operasi, pertambahan subsidi itu juga demi mengimbangi industri ternakan yang selama ini dikuasai kartel atau *integrator* yang sering mengaut keuntungan di atas kesempitan penternak kontrak.

"Kami memohon pecahan subsidi sekurang-kurangnya 30 sen kepada penternak kontrak disebabkan beberapa perkara.

"Pertama, peningkatan kos



PERSATUAN penternak ayam kontrak mahu harga subsidi ayam dinaikkan kepada 30 sen sekilogram.

operasi seperti gaji pekerja, harga ubat-ubatan ayam dan kelengkapan reban ayam yang amat ketara pada tahun ini.

"Kedua, risiko kerugian yang amat tinggi sejak awal tahun ini disebabkan ancaman penyakit ayam seperti ND dan CCRD yang

amat berleluasa sejak kebangkitan ini," katanya dalam surat berkenaan.

Menjelang lanjut, mereka berkata sering ditindas *integrator* ayam yang membekalkan anak ayam tidak berkualiti sehingga menjejaskan hasil ternakan pen-

ternak kontrak.

"Anak ayam dibekalkan oleh *integrator* sejak akhir-akhir ini tidak berkualiti dan menyebabkan kadar kematian dan *curling* yang mencecah 25 peratus ini secara langsung mengurangkan keuntungan pihak penternak.

"Walaupun penternak kontrak mengalami kerugian disebabkan faktor-faktor tersebut di atas, *integrator* yang menyayangi kami tetap mendapat keuntungan," katanya.

Akhbar ini melaporkan beberapa syarikat gergasi ternakan ayam didakwa berkomplot 'menyembelih' penternak kontrak kecil-kecilan dengan mengaut hampir semua peruntukan subsidi yang disalurkan kerajaan kepada industri tersebut.

Dengan kadar subsidi 10 sen bagi sekilogram ayam untuk kategori kontrak kecil-kecilan berbanding 70 hingga 80 sen sekilogram bagi kategori persendirian dan bersepadu (*integrator*), penternak kecil menjangkakan mereka tidak akan mampu meneruskan operasi dalam industri berkenaan.

Peniaga pening bekalan telur tak menentu

Oleh DIANA SURYA ABD WAHAB
utusannews@mediamula.com.my

KUANTAN: Bekalan telur ayam yang tidak menentu ketika ini merungsingkan orang ramai khususnya peniaga yang terlibat dengan penjualan kuih-muih dan pastri.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang peniaga, Kamaruzaman Mohd. Arshad berkata, selepas isu harga ayam selesai, kini hampir dua minggu terpaksa berdepan dengan masalah bekalan telur pula.

"Saya sudah cuba ke beberapa pasar raya untuk membeli bekalan telur ayam dan ternyata memang susah. Kejap ada dan kejap tiada.

"Jika ada pun, terdapat kenaikan pada harga telur tersebut dan kesannya kita susah mendapatkan bekalan.

"Kesukaran mendapatkan telur menyebabkan ada pengguna terpaksa menunggu di pasar raya menanti bekalan sampai



SEORANG pengguna mendapatkan telur yang dihadkan pembeliannya di sebuah pasar raya di Kuantan, Pahang. - UTUSAN/ DIANA SURYA ABD WAHAB

dan terus membuat pembelian," katanya di sini semalam.

Kelmarin, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal

Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, gangguan bekalan telur yang dihadapi ketika ini berpunca tin-

dakan pengeluaran yang mengeksport telur ke luar negara.

Sementara itu, seorang pengguna, Afidah Yaakub

berkata, tempoh dua hingga tiga minggu ini cukup sukar mendapatkan bekalan telur sehingga mencetuskan rasa panik bukan sahaja dalam golongan peniaga malah suri rumah sepertinya.

"Saya tidak memiliki keluarga yang besar namun bahan mentah seperti telur ini boleh dianggap penting untuk masakan, jadi bekalannya perlu ada," katanya.

Seorang lagi pengguna yang bekerja sendiri, Azly Abdul berkata, dalam tempoh lebih seminggu mencari bekalan telur, banyak lokasi yang dikunjunginya kehabisan stok.

"Banyak tempat bukan sahaja kedai runcit malah pasar raya besar saya mencarinya namun rak kosong.

"Penat juga mencari memandangkan telur adalah makanan keperluan dan pilihan keluarga. Pusing sana pusing sini mencari dan pembekal kata stok tiada," katanya.

PPO F9 - ©ZZ

Kaki, hati ayam pun kena kebas

Pengguna rasa tertipu kerana bayar untuk harga seekor, namun hanya dapat bahagian isi

PERMINTAAN tinggi terhadap kaki dan tongkeng ayam mendorong peniaga menjual semula bahagian itu kepada pembeli.
- GAMBAR HIASAN

TERDAPAT segelintir peniaga yang mengambil kesempatan dengan menjual semula bahagian hati, pedal, kaki dan tongkeng ayam tanpa kebenaran pengguna semata-mata untuk mendapatkan keuntungan atas angin.

Situasi itu walaupun dianggap remeh, tetapi tetap memberi kesan kepada pengguna yang mengakui merasa ditipu sekalipun telah membayar untuk harga seekor ayam.

"Semasa proses memotong, saya

lihat tukang potong selamba mengambil bahagian tongkeng, kaki dan hati sebelum dilonggokkan di suatu tempat untuk dijual semula kepada pembeli lain," kata seorang pengguna, Ahmad Radzi, 41.

» LAPORAN PENUH DI MUKA 2

Pengguna tidak puas hati ada peniaga 'curi' bahagian ayam milik mereka

Ambil untung jual kaki, hati ayam

Oleh ABDUL RASHID
ABDUL RAHMAN

PETALING JAYA – Di sebalik pelbagai masalah yang timbul melibatkan harga siling dan bekalan yang tidak menentu, ada segelintir peniaga pula dikesan mengambil kesempatan untuk meraih untung atas angin dengan cara menjual semula bahagian-bahagian ayam yang telah dibayar oleh pengguna.

Situasi ini biasanya berlaku ke atas pengguna yang membeli bahan mentah berkenaan di pasar-pasar basah mahupun pasar borong yang menawarkan khidmat memotong ayam.

'Modus operandi' peniaga berkenaan adalah dengan mengasingkan bahagian-bahagian seperti kaki, tongkeng, hati dan pedal ketika proses memotong, walaupun bahagian berkenaan telah dibayar oleh pembeli untuk harga seekor ayam.

Tanpa memaklumkan kepada pembeli, peniaga culas ini kemudian menjual semula bahagian tersebut kepada pengguna lain.

Bahagian ayam seperti tongkeng dan kaki mempunyai permintaan tinggi dan menjadi buaian peniaga makanan.

Bahagian tongkeng sahaja biasanya dijual pada harga sehingga RM8 sekilogram.

Meskipun isu tersebut dianggap terpicil dan remeh, namun tindakan segelintir peniaga yang melakukan 'kerja' berkenaan adalah tidak wajar selain menafikan hak pembeli.

Di **Bentong, Pahang**, seorang pengguna dikenali Ahmad Radzi, 41, berkata, dia berasa kesal dengan sikap segelintir peniaga yang mengambil kesempatan untuk mengambil bahagian-bahagian ayam yang telah dibayar



PENGUNA perlu lebih bijak berbelanja agar tidak menjadi mangsa penipuan segelintir peniaga yang mengaut keuntungan atas angin. – GAMBAR HIASAN



PERMINTAAN tinggi terhadap bekalan ayam menyebabkan ada peniaga yang mengambil kesempatan.

oleh pembeli.

Malah katanya, tindakan penjualan berkenaan yang menjual semula bahagian ayam berkenaan dianggap seperti perbuatan mencuri.

"Saya ada beli ayam di sebuah kedai dan saya membayarnya terlebih dahulu sebelum membawanya ke tempat pemotongan.

"Semasa proses memotong, saya lihat tukang potong selamba ambil bahagian tongkeng ayam dan melonggokkannya di suatu tempat tanpa bertanyakan kepada saya.

"Lebih menyakitkan hati apabila longgokan tongkeng ayam itu kemudiannya dijual semula kepada orang lain," katanya ketika ditemui *Kosmo!* baru-baru ini.

Menurut Ahmad, peniaga seharusnya terlebih dahulu bertanya kepada pembeli sama ada mahukan bahagian ayam berkenaan atau tidak memandangkan mereka telah membayarnya.

Seorang lagi pembeli, Norani Abdullah, 35, berkata, dia juga sering kali berasa tertipu apabila bahagian tertentu ayam diambil oleh peniaga selepas ayam berkenaan dipotong.

"Saya harap pihak peniaga dan juga pihak berkuasa dapat memberi perhatian kepada isu tersebut yang jelas menipu pengguna.

"Walaupun nampak kecil, ia adalah hak pengguna yang jelas dicuri. Kalau mahupun, tanyalah dahulu pelanggan.

"Saya pernah membeli dua ekor ayam dan kemudian menghantar ke tempat pemotongan. Sebaik sampai rumah, saya dapati kaki, tongkeng dan pedal sudah tiada," ujarnya.

Di **Klang, Selangor**, seorang lagi pengguna dikenali Hazli, 42, berkata, perkara berkenaan biasanya berlaku di pasar-pasar basah iaitu ketika orang ramai sedang berebut untuk mendapatkan bekalan ayam.

"Biasanya pengguna tidak akan periksa bahagian-bahagian ayam yang telah dipotong menyebabkan ada peniaga yang mengambil kesempatan mengambilnya.

"Lagipun, permintaan terhadap bahagian-bahagian ayam terutama kaki dan tongkeng sangat tinggi. Ramai yang mencarinya terutama peniaga makanan," jelasnya.

Justeru, beliau mengingatkan pengguna agar lebih berhati-hati dan lebih bijak ketika berurusan dengan peniaga ayam yang suka mengambil kesempatan

Haram jual bahagian ayam tanpa kebenaran

KUANTAN – Tindakan peniaga yang mengambil bahagian ayam yang dibeli pengguna tanpa kebenaran termasuklah bahagian tongkeng serta kaki dan menjualnya kembali adalah haram kerana mengambil hak orang lain.

Mufti Pahang, Datuk Seri Abdul Rahman Osman berkata, apabila sesuatu barangan sudah dibeli, maka pembeli mempunyai hak ke atas barangan itu dan

pihak lain perlu mendapat kebenaran sekiranya ingin mengambil sesuatu bahagian.

Katanya, dalam al-Quran juga ada menyebut bahawa kita tidak boleh sesuka hati mengambil hak orang lain kecuali pihak berkenaan telah bersetuju.

"Sekarang kaki ayam pun orang nak, jadi (penjual) tidak boleh ambil kalau pembeli sudah bayar.

"Kalau sebelum dibayar tidak apa," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas mengenai tindakan segelintir peniaga yang mengambil bahagian seperti tongkeng dan kaki ketika proses memotong walaupun pembeli telah membayar untuk harga seekor ayam.

Menurut beliau lagi, dalam jual beli, seharusnya ada akad

dan reda meredai dan penjual perlu meminta izin mengambil apa-apa bahagian yang telah dibeli pelanggan.

Katanya, penjualan juga perlu jelas seperti peniaga memaparkan makluman bahawa bahagian tertentu seperti kaki dan tongkeng akan diambil oleh peniaga.

"Jika tidak ada memaparkan perkara itu, ia ada salah," tambahnya.



ABDUL RAHMAN

OPPO F9 • © ZZZ



Rawat, periksa haiwan sakit dalam van



Rencana Utama

Oleh
KHAIRIYAH HANAFI

BEBERAPA pelajar dan pensyarah yang berada di dalam van berwarna putih itu dilihat sibuk mengendalikan beberapa ekor kucing yang memerlukan rawatan.

Dikenali sebagai klinik bergerak dalam kalangan masyarakat, van atau kenderaan pelbagai guna (MPV) yang diubah suai menjadi sebuah klinik itu merupakan inisiatif tenaga pengajar daripada Fakulti Perubatan Veterinar Universiti Putra Malaysia (UPM).

Siapa sangka, klinik yang pernah digerakkan untuk misi menyelamatkan haiwan yang terkesan dengan banjir sekitar Lembah Klang penghujung tahun lalu kemudian dijadikan platform untuk terus membantu mendidik masyarakat dan merawat haiwan yang memerlukan.

Bukan sahaja menyediakan pemeriksaan kesihatan dan rawatan asas secara percuma, pasukan klinik bergerak itu turut mengadakan pelbagai program kesedaran kepada masyarakat, terutamanya mengenai kaedah penjagaan haiwan yang betul.

Semua ini dilakukan oleh pasukan pensyarah dan pelajar daripada Fakulti Perubatan Veterinar dalam memastikan kebajikan haiwan belian mahupun terbiar mendapat penjagaan sewajarnya.

Timbalan Dekannya, Prof. Dr. Jalila Abu berkata, cetusan idea klinik veterinar bergerak itu sebenarnya diketuai Pensyarah Kanannya, Dr. Farina Mustafa Kamal dan Ketua Jabatan, Prof. Madya Dr. Nurul Hayah Khairuddin.

Ia bagaimanapun turut digerakkan dengan beberapa tonggak penting lain termasuk Pegawai Perunding Hospital Veterinar Universiti (UVH), Prof. Madya Dr. Chen Hui Cheng.

"Van ini pada awalnya digunakan untuk tujuan pengajaran memandangkan kami di sini sebagai perunding UVH dan memahami keperluan akses ke lokasi atau memudahkan ke kawasan perkampungan dan pedalaman untuk pengajaran serta rawatan."

"Bagaimanapun, sekitar awal tahun lalu, van ini digunakan oleh Dr. Farina untuk tujuan penyelidikan. Pada waktu itu, beliau mengkaji jangkitan Covid-19 dalam kalangan kucing."

"Kemudian, van ini digerakkan untuk tujuan pameran dan pengajaran dan ia berdasarkan jemputan sehingga kini. Jika pihak universiti menjalankan program pembangunan veterinar, kami akan turut serta dengan sasaran utama mahu mendidik kaedah penjagaan haiwan yang betul," katanya kepada K2.

Pada penghujung tahun lalu, apabila beberapa kawasan di sekitar Lembah Klang dilanda bah, van tersebut digerakkan ke kawasan terlibat bagi membantu haiwan-haiwan yang turut menjadi mangsa banjir.



EMPAT pensyarah ini menjadi tonggak utama dalam program pengembangan veterinar di Fakulti Perubatan Veterinar, UPM.



RAWATAN asas seperti pemeriksaan, vaksin dan pemberian ubat cacing merupakan antara perkhidmatan yang ditawarkan klinik bergerak ini. - FAIZ ALIF AHMAD ZUBIR



KLINIK bergerak ini sedia merawat semua jenis haiwan yang memerlukan.



KLINIK ini bergerak secara berkala demi memberikan khidmat terbaik.

INFO

Klinik bergerak haiwan UPM

- Merupakan inisiatif Fakulti Perubatan Veterinar Universiti Putra Malaysia
- Program merawat pertama yang dianjurkan ialah sewaktu Misi Kecemasan dan Perubatan Haiwan Terkesan Banjir di Nanding, Hulu Langat dan Sri Muda, Shah Alam
- Sebanyak 850 haiwan berjaya diselamatkan di Daerah Nanding antaranya kucing, anjing, arnab, guinea pig, landak, hamster dan kambing
- 746 haiwan pula berjaya diselamatkan di Sri Muda, Shah Alam melibatkan kucing, anjing, kura-kura dan burung
- Antara perkhidmatan yang disediakan ialah program pembangunan, pemeriksaan dan rawatan asas seperti vaksin, ubat kutu dan cacing

Menerusi Misi Kecemasan dan Perubatan Haiwan Terkesan Banjir, sekumpulan pelajar tahun akhir dan yang terlibat dalam Projek Pengkajian Haiwan Terbiar (Prokasih) bersama beberapa orang pensyarah bergerak ke lokasi sasaran selama seminggu berturut-turut dengan van tersebut.

Di situlah, pasukan ini beraksi menyumbang kepakaran yang mereka miliki dalam usaha menyelamatkan haiwan-haiwan yang tidak bernasib baik pada ketika itu.

Bercerita lanjut, menurut Dr. Farina, ketika banjir melanda beberapa kawasan sekitar Lembah Klang, banyak haiwan yang mengalami kecederaan dan jangkitan pernafasan.

Bukan itu sahaja, ada juga yang

hanyut ditenggelami air.

Haiwan-haiwan itu juga ada yang mengalami tekanan dan trauma.

Berkesempatan membuka klinik veterinar bergerak di dua lokasi banjir, pasukan ini berjaya memberi rawatan kepada 746 ekor haiwan di Sri Muda, Shah Alam, manakala 850 ekor lagi di Nanding, Hulu Langat, Selangor.

"Seperti manusia, haiwan juga perlu mendapat perhatian dan kami terpanggil untuk membantu haiwan terjejas. Rawatan yang ditawarkan klinik ini seperti yang telah dipersetujui dalam jawatankuasa iaitu rawatan asas seperti vaksin, pemberian ubat cacing, kuku dan pemeriksaan biasa.

"Jenis haiwan yang dirawat di sini adalah pelbagai dan tidak tertumpu kepada satu-satu jenis haiwan semata-mata, apa sahaja yang dibawa kami akan periksa. Jika ia memerlukan rawatan rapi, barulah haiwan tersebut dihantar untuk menjalani rawatan di hospital.

"Mengambil contoh kes banjir di Hulu Langat yang mana seekor anjing mengalami luka teruk sehingga berulat. Disebabkan rawatan tidak boleh dilakukan di van bergerak, anjing itu dibawa ke hospital untuk menjalani rawatan lanjut sehingga sembuh," kongsi.

Pun begitu, menurutnya lagi, tidak tertumpu kepada rawatan semata-mata, misi utama van bergerak itu masih lagi kepada mahu memberi pendedahan dan mendidik orang awam tentang vaksin dan pengkasan dalam kalangan haiwan.

Tambahan pula, buat masa ini van tersebut digerakkan secara berkala mengikut peruntukan dana yang diterima, selain program mengikut keperluan masyarakat.

Sementara itu, Dr. Nurul Hayah pula berkata, kewujudan van tersebut dilihat sebagai ikon fakulti veterinar yang membolehkan lebih ramai masyarakat maklum akan fungsi dan peranan fakulti tersebut.

Isa sekali gus membolehkan mereka memajukan lagi program pembangunan veterinar dengan masyarakat luar terutamanya dalam perkara-perkara melibatkan kesejahteraan haiwan.

"Kita hidup dalam komuniti yang pelbagai, ada yang prihatin dan sebaliknya. Jadi, menerusi platform inilah, kita boleh menganjurkan lebih banyak program pembangunan.

"Pembangunan veterinar ini luas perspektifnya dan salah satu daripadanya yang mahu kami tekankan adalah program penjagaan



PULUHAN penduduk di sekitar Lembah Klang yang terkesan dengan banjir mendapatkan rawatan untuk haiwan peliharaan mereka pada hujung tahun lalu.

Jenis haiwan yang dirawat di sini adalah pelbagai dan tidak tertumpu kepada satu-satu jenis haiwan semata-mata, apa sahaja haiwan yang dibawa kami akan periksa."

DR. FARINA

dan pengkasan haiwan kesayangan mahupun terbiar, kerana itulah antara perkara yang penting dan berlaku sepanjang hayat.

"Orang awam perlu faham, menjaga haiwan ini perlu datang dengan tanggungjawab dan ada tata caranya. Justeru, menerusi pembangunan ini, kami boleh membuat perkongsian untuk memberi pendedahan dan pemahaman lanjut kepada individu mengenai hal-hal berkaitan haiwan," katanya.

Mengambil contoh program pengkasan, jika masyarakat sedar kepentingannya, ia dapat mengelakkan kucing terbiar daripada bertambah.

Seperti di UPM sendiri, mereka menganjurkan program Prokash iaitu projek perkasan haiwan terbiar yang merupakan inisiatif pelajar sejak 2008.

Bagaimanapun, melihatkan manfaat dan sambutan diterima daripada masyarakat sekeliling, program tersebut diteruskan sehingga ke hari ini oleh pensyarah dan para pelajar.

Menurut Dr. Chen Hui Cheng, inisiatif tersebut bertujuan menjaga kebajikan haiwan terutamanya haiwan terbiar. Salah satunya dengan program-program yang mendidik dan memberi kesedaran kepada masyarakat.

"Kita pergi ke sekolah dan komuniti. Kita sebarikan kepada orang awam serta pelajar bagaimana cara penjagaan haiwan yang betul, kerana sekarang banyak sangat isu berkaitan haiwan terbiar. Jadi, sebagai salah satu cara yang boleh dilakukan adalah dengan memberi pendedahan, tentamannya tentang program kasi.

"Ada yang bertanya adakah dengan kasi itu ia akan menyebabkan haiwan kesakitan? Sebenarnya tidak, kerana haiwan dibius terlebih dahulu. Perkara inilah yang perlu didedahkan kepada masyarakat," ujarnya.



DR. JALILA

Didik masyarakat penjagaan haiwan

MAHU menjalankan lebih banyak program pembangunan dan pemeriksaan kesihatan haiwan peliharaan serta terbiar, itu antara hasrat Fakulti Perubatan Veterinar Universiti Putra Malaysia pada 2023 terhadap klinik bergerak tersebut.

Timbalan Dekannya, Prof. Dr. Jalila Abu berkata, dewasa ini program-program seumpama itu jarang didedahkan kepada umum.

Justeru inisiatif yang diusahakan fakulti itu dilihat bukan sahaja mampu merawat haiwan memerlukan, bahkan mendidik masyarakat tentang penjagaan haiwan dengan betul.

"Dekan fakulti kami, Prof. Dr. Abdul Rahman Omar memberi sokongan penuh kepada aktiviti yang memberikan sumbangan kepada orang ramai. Menerusi program pembangunan yang dijalankan, kami dapat lihat ia telah memberi impak besar kepada masyarakat, terutamanya dalam aspek penjagaan haiwan.

"Biar pun buat masa ini kami bergerak menggunakan sebuah van, tetapi individu yang menggerakannya itu sangat ramai sehingga ia dapat memberi impak besar kepada masyarakat.

"Bahkan, dengan van inilah orang lebih menyedari kewujudan hospital veterinar dan fakulti serta program dianjurkan," katanya.

Bergerak menggunakan dana Hospital Veterinar Universiti, beliau berharap agar fakulti tersebut memperoleh kemudahan bas satu hari nanti bagi membolehkan lebih banyak haiwan komuniti diperiksa dan dirawat.

Baginya, kewujudan ruang yang lebih besar dalam bas, selain peruntukan dana mencukupi, ia bukan sahaja membolehkan mereka menjalankan lebih banyak program pembangunan dengan masyarakat luar, bahkan dibawa sehingga ke peringkat kebangsaan.

